



- 1 Rajah berikut merupakan bahan-bahan tinggalan sejarah yang ditemui melalui kaedah arkeologi.




Bagaimanakah ketepatan usia bahan-bahan tersebut disahkan?

- A Perbincangan pakar
 B Pentarikan radiokarbon
 C Penyelidikan perpustakaan
 D Pengiktirafan institusi bertauliah
- 2 Maklumat berikut merupakan peralatan yang dihasilkan pada Zaman Neolitik.



Apakah faktor yang membolehkan peralatan tersebut dihasilkan?

- A Penggunaan tanah liat
 B Penemuan bahan logam
 C Perkembangan perdagangan
 D Pengamalan pembahagian kerja
- 3 Peta berikut merujuk kerajaan awal di Asia Tenggara.



Bagaimanakah pemerintah dalam kerajaan tersebut memajukan ekonomi negaranya ?


- A Membina sistem pengairan
 B Menjalinkan hubungan diplomatik
 C Menyediakan kemudahan pelabuhan
 D Memajukan perdagangan antarabangsa
- 4 Pernyataan berikut menerangkan tindakan Parameswara pada abad ke-15.

Parameswara bersama pengikutnya telah meninggalkan Temasik dan menuju ke Muar

Mengapakah beliau bertindak demikian ?

- A Ancaman kuasa asing
- B Pemberontakan rakyat
- C Serangan wabak penyakit
- D Gangguan kegiatan lanun

- 5 Rajah berikut menunjukkan peranan rakyat Melaka semasa pemerintahan Parameswara.



Apakah X ?

- A Membuat kapal perang
- B Membina kubu pertahanan
- C Mengutip cukai perdagangan
- D Mengawal keselamatan perairan

- 6 Melaka mempunyai bentuk muka bumi yang berbukit-bukau.

Apakah kepentingan bentuk muka bumi tersebut terhadap kerajaan Melaka ?

- A Menghalang penghijrahan keluar penduduk
- B Meningkatkan kesuburan tanah pertanian
- C Memudahkan pengawalan kawasan perairan
- D Mengekalkan iklim panas lembap sepanjang tahun

- 7 Mengapakah kerajaan Melaka dan Pasai menggunakan istilah ‘ salam ’ apabila berutus surat ?

- A Mengekalkan amalan tradisi
- B Menunjukkan hubungan setaraf
- C Memperkukuhkan kedaulatan negeri
- D Menggambarkan pengaruh keagamaan

[Lihat halaman sebelah

- 8 Jadual berikut menerangkan tindakan Raja Portugal pada abad ke-16 .

Tahun	Peristiwa
-------	-----------

1509	Raja Portugal menghantar Lopez de Sequeira ke Melaka
------	--

Apakah tujuan Raja Portugal berbuat demikian?

- A Mengatasi ancaman lanun
- B Membina kubu pertahanan
- C Menjalinkan hubungan diplomatik
- D Menyelesaikan masalah tawanan

9 Pada 25 Julai 1511, tentera Portugis berjaya menguasai jambatan Sungai Melaka.

Apakah faktor kejayaan tersebut ?

- A Bantuan askar upahan
- B Kekebalan kota A Famosa
- C Sokongan pembesar Melayu
- D Memperoleh maklumat pertahanan

10 Dialog berikut mungkin berlaku di Aceh pada abad ke - 17.

Pembesar	:	TuanKu, tentera kita berjaya menguasai Pedir dan Pasai.
Sultan Aceh	:	Bagus. Tercapai sudah matlamat kita.

Apakah matlamat yang dimaksudkan dalam dialog tersebut ?

- A Memonopoli hasil galian
- B Menghapuskan ancaman lanun
- C Merampas hak memungut cukai
- D Menguasai perdagangan lada hitam

11 Jadual berikut menunjukkan perkembangan yang berlaku di Johor pada awal abad ke-18.

Tahun	Peristiwa
-------	-----------

1717	Raja Kechil dari Siak telah menyerang dan berjaya menawan Johor
------	---

Apakah punca serangan tersebut ?

- A Menuntut takhta
- B Menyebarkan agama
- C Menguasai perdagangan
- D Menyekat pengaruh luar

12 Menjelang abad ke -18, kedudukan orang Bugis di Selangor semakin kukuh. Apakah peristiwa yang menyebabkan keadaan tersebut ?

- A Penguasaan terhadap Selat Melaka
- B Perkahwinan sesama kerabat diraja
- C Pelantikan Raja Lumu sebagai sultan
- D Perjanjian persahabatan dengan Belanda

13 Peralatan berikut digunakan oleh masyarakat Melayu dalam kegiatan ekonomi tradisional .

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Tenggala • Penggelek • Kuku kambing |
|---|

Apakah kegiatan ekonomi yang dapat dikaitkan dengan peralatan tersebut ?

- A Menenun kain
- B Menanam padi
- C Menangkap ikan
- D Melombong emas

[Lihat halaman sebelah

14 Apakah kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh kumpulan etnik Melanau di Sarawak ?

- I Menangkap ikan
- II Menanam padi sawah
- III Memungut sarang burung

IV Mengusahakan lada hitam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 Pernyataan berikut merujuk adat perkahwinan kaum etnik di Sabah.

Kaum Bajau lazimnya akan mengadakan majlis perkahwinan pada 14 dan 15 hari bulan Hijrah

Mengapakah mereka memilih tarikh tersebut ?

- A Mematuhi arahan tuai rumah
- B Mengelakkan wabak penyakit
- C Menunjukkan berakhirnya musim menuai
- D Menandakan pengantin dimurahkan rezeki

16 Apakah kesan Perjanjian Burney 1826 terhadap Kedah?

- A Menjadi jajahan Burma
- B Mengakui ketuanan Siam
- C Menerima penasihat British
- D Menjalankan pentadbiran Barat

17 British telah bertindak menduduki Singapura pada tahun 1819. Mengapakah Belanda tidak bersetuju dengan tindakan British ?

- A Perdagangan di Betawi terjejas
- B Pergaduhan kongsi gelap berlaku
- C Perebutan takhta kerajaan Johor berlarutan
- D Pemberontakan penduduk tempatan tercetus

18 Maklumat berikut merujuk perkembangan yang berlaku di Negeri-Negeri Selat.

Tarikh	1 April 1867
Peristiwa	Negeri-Negeri Selat diisytiharkan sebagai tanah jajahan British

Apakah kesan perisytiharan tersebut terhadap Negeri-Negeri Selat ?

- A Menerima taraf pelabuhan bebas
- B Menjadi tempat buangan banduan
- C Berkuasa meluluskan undang-undang
- D Menerima kemasukan golongan imigran

19 Apakah sumbangan pembesar berikut ?

Pembesar	Negeri
Long Jaafar Raja Abdullah	Perak Selangor

- A Menamatkan perang saudara
- B Menentang penjajahan asing
- C Memajukan sektor perlombongan
- D Mengembangkan kegiatan perdagangan

20 Peristiwa berikut berlaku di Pahang pada tahun 1888.

Seorang warganegara British berbangsa Cina terbunuh di kawasan berhampiran dengan istana Sultan Ahmad

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap Pahang ?

- A Pengharaman kongsi gelap
- B Pengukuhan pengaruh Siam
- C Pelaksanaan Sistem Residen
- D Pemindahan pusat pentadbiran

[Lihat halaman sebelah

21 Perubahan yang dilaksanakan J.W.W. Birch di Perak telah menimbulkan kemarahan sultan dan para pembesar Melayu Perak. Antara berikut, yang manakah merupakan perubahan tersebut ?

- I Melantik penghulu
- II Melucutkan jawatan sultan
- III Memperkenalkan cukai baru
- IV Mengharamkan sistem perhambaan

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
D III dan IV

22 Pada tahun 1909, Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu menghentikan amalan menghantar bunga emas kepada Siam.

Apakah peristiwa yang menyebabkan keadaan tersebut ?

- A Penaklukan tentera Burma
B Kemosototan pengaruh Bugis
C Termeterai Perjanjian Bangkok
D Pemberian Hak Wilayah Asingan

23 Senarai berikut merupakan pembaharuan Kapten Meadowe Frost di Perlis.

- Menggubal undang-undang
- Menubuh Jabatan Hasil dan Cukai
- Menubuh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Kadi

Apakah tujuan pembaharuan tersebut diperkenalkan ?


- A Mengukuhkan kuasa
B Menjamin keamanan
C Menarik kemasukan pelabur
D Menjaga kebajikan penduduk


24 Pada tahun 1895, Sultan Abu Bakar telah mengisytiharkan perlembagaan negeri yang dikenali sebagai Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor.

Apakah kesan pengenalan undang-undang tersebut ?

- A Pelaksanaan sistem pilihan raya
B Pengenalan pemerintahan republik
C Penubuhan Majlis Perundangan Negeri
D Pembentukan institusi Raja Berperlembagaan

25 Garis masa berikut menunjukkan perluasan kuasa James Brooke di Sarawak.





Apakah kesan perluasan kuasa tersebut?

- A Penghapusan cukai kepala
- B Pengenalan kerahan tenaga
- C Penubuhan Majlis Undangan
- D Penamatan pemerintahan Brunei

26 Pada tahun 1857, pelombong Cina di Bau, Sarawak telah melancarkan pemberontakan.

Apakah punca pemberontakan tersebut ?

- A Pengamalan kerahan tenaga
- B Pemberian upah yang rendah
- C Pelaksanaan cukai yang tinggi
- D Pengenalan undang-undang baru

27 Bagaimanakah Alfred Dent memajukan perniagaan Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad pada tahun 1880 ?

- A Meluaskan jajahan takluk
- B Menawarkan konsesi tanah
- C Mendapatkan Piagam Diraja
- D Membawa masuk imigran Cina

[Lihat halaman sebelah

28 Pada tahun 1888, SBUB telah menandatangani Perjanjian Perlindungan Borneo Utara dengan British.

Perjanjian tersebut memberi British kuasa

- A mengawal hubungan luar
- B mengubal dasar pelajaran
- C mengeksploitasi hasil bumi
- D menetapkan bidang kuasa sultan

29 Senarai berikut merupakan tanaman baru yang diperkenalkan British pada abad ke-20.

- Kopi
- Tembakau
- Kelapa sawit

Mengapakah British memperkenalkan tanaman tersebut?

- A Memantapkan ekonomi
- B Menambah peluang pekerjaan
- C Meningkatkan taraf hidup rakyat
- D Mengatasi kekurangan makanan

30 Pada awal kurun ke-20, permintaan terhadap getah meningkat di pasaran dunia. Apakah faktor yang menyebabkan peningkatan tersebut ?

- A Pertambahan modal asing
- B Pengecualian cukai eksport
- C Pengenalan sistem torehan ibedem
- D Perkembangan perusahaan membuat motokar

31 Dialog berikut berkaitan penentangan penduduk terhadap pemerintahan Brooke di Sarawak pada tahun 1853.

Rentap : Kita mesti bersatu untuk menentang James Brooke.

Pengikut : Kami sedia berjuang demi mempertahankan maruah bangsa.

Apakah faktor penentangan tersebut ?

- A Dikenakan cukai tinggi
- B Dianggap sebagai lanun
- C Dipaksa menjadi tentera
- D Dilarang membuka tanah baru

32 Jadual berikut menerangkan perkembangan yang berlaku di Perak pada akhir abad ke-19.

Tarikh	21 Julai 1875
Tempat	Durian Sebatang
Peristiwa	Mesyuarat antara Raja Abdullah, Raja Ismail, Dato' Maharaja Lela dan pembesar-pembesar Perak

Apakah ketetapan yang diambil dalam mesyuarat tersebut?

- A Pembunuhan Residen British
- B Penawanan semula Pasir Salak
- C Penolakan sistem kerahan tenaga
- D Penyekatan kemasukan buruh asing

- 33 Tokoh berikut merupakan pemimpin kebangkitan rakyat dalam menentang penjajahan British di Tanah Melayu.

Tokoh	Negeri
Tok Janggut	Kelantan
Haji Abdul Rahman Limbong	Terengganu

Apakah faktor yang membawa kepada kebangkitan mereka?

- A Pembinaan balai polis
 B Pengenalan buruh paksa
 C Pelucutan gelaran pembesar
 D Pelaksanaan peraturan tanah baru
- 34 Jadual berikut menunjukkan perkembangan yang berlaku di Asia.

Tahun	Peristiwa
1905	Jepun berjaya mengalahkan Rusia dalam Perang Rusia-Jepun.
1911	Dr. Sun Yat Sen berjaya menumbangkan kerajaan Manchu

Apakah kesan perkembangan tersebut terhadap Tanah Melayu?

- A Kewujudan kelas pertengahan
 B Pengukuhan hubungan serantau
 C Pembentukan kerajaan republik
 D Kebangkitan semangat kebangsaan

[Lihat halaman sebelah

- 35 Jadual berikut menunjukkan puisi yang dihasilkan sebelum Perang Dunia Kedua.

Puisi	Pengarang
Perwira Melayu	Harun Aminurrashid
Serunai Pujangga	Abdul Samad Ahmad
Seruan Kebangsaan	Melati Pahang

Apakah tujuan puisi tersebut dihasilkan?

- A Mewujudkan perpaduan antara kaum
 B Memberi taat setia kepada pemerintah
 C Menekankan kepentingan agama Islam
 D Mempertahankan maruah bangsa Melayu
- 36 Maklumat berikut menerangkan masalah yang dihadapi oleh negara Jepun pada awal abad ke-20.

21/1

- Kekurangan tanah pertanian
- Kekurangan bahan mentah
- Keperluan pasaran baru

Bagaimanakah Jepun mengatasi masalah tersebut?

- A Membentuk pakatan tentera
- B Menjalankan perluasan kuasa
- C Memeterai perjanjian pertahanan
- D Memantapkan hubungan serantau


37 Senarai berikut merupakan faktor kejayaan Jepun mengalahkan British di Tanah Melayu pada tahun 1940-an.

- Kelengkapan perang
- Perancangan awal perang
- X

Apakah X ?

- A Bantuan tentera asing
- B Kesetiaan tentera upahan
- C Kemudahan pengangkutan
- D Bantuan penduduk tempatan

38 Rajah berikut merujuk institusi yang ditubuhkan oleh pemerintah Jepun.



Penubuhan institusi tersebut bertujuan

- A menggalakkan pendidikan moden
- B mewujudkan kesedaran politik rakyat
- C mengatasi masalah kekurangan pegawai awam
- D mengelakkan penentangan penduduk tempatan

39 Maklumat berikut merujuk tujuan penubuhan Malayan Union.

- Menjimatkan perbelanjaan
- Menyeragamkan pentadbiran
- X

Apakah X ?

- A Mengukuhkan pertahanan
- B Mengekalkan identiti bangsa
- C Menjamin kebajikan penduduk
- D Memupuk kesetiaan kepada negara

[Lihat halaman sebelah

- 40 Jadual berikut menunjukkan perhimpunan yang diadakan oleh orang Melayu pada tahun 1946.

Tempat	Peristiwa
Kota Bharu	10 000 orang Melayu mengadakan tunjuk perasaan
Alor Setar	50 000 orang Melayu mengadakan demonstrasi

Mengapakah orang Melayu bertindak demikian ?

- A Kekuasaan raja dihapus
 - B Perpaduan rakyat digugat
 - C Pergerakan politik diharam
 - D Kekayaan hasil bumi dieksploitasi
- 41 Maklumat berikut berkaitan dengan Kongres Melayu yang pertama.

Tarikh	1 hingga 4 Mac 1946
---------------	---------------------

Tempat	Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur
---------------	---

Apakah keputusan yang dicapai dalam kongres tersebut ?

- A Penubuhan UMNO
- B Pelaksanaan pilihan raya umum
- C Penyekatan kemasukan golongan imigran
- D Pembentukan sistem Raja Berperlembagaan

42 Mengapakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 diterima orang Melayu ?

- A Kedaulatan sultan dikembalikan
- B Perpaduan rakyat dimantapkan
- C Pembangunan desa diutamakan
- D Kerakyatan jus soli dipertahankan

43 Keganasan berikut dilakukan oleh anggota komunis di Tanah Melayu pada pertengahan abad ke-20.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Menyerang balai polis • Membakar ladang getah • Memusnahkan landasan kereta api |
|---|

Mengapakah anggota komunis bertindak demikian ?

- A Menuntut kemerdekaan
- B Mendapatkan sokongan rakyat
- C Melumpuhkan kegiatan ekonomi
- D Membantah pelaksanaan cukai tanah

44 Maklumat berikut berkaitan dengan matlamat Rancangan Briggs.

Mengelakkan bahan makanan, maklumat dan ubat-ubatan sampai ke tangan anggota komunis
--

Apakah program yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat tersebut ?

- I Peningkatan cukai import
 - II Pembentukan kampung baru
 - III Penyekatan pergerakan penduduk
 - IV Penawaran hadiah yang lumayan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

45 Mengapakah tugu berikut didirikan ?



Tugu Peringatan Negara

- A Menarik pelancong luar
 - B Mengenang jasa pejuang
 - C Mengekalkan warisan tradisi
 - D Membuktikan kemakmuran ekonomi
- 46 Perjumpaan berikut dianjurkan bersama antara pihak British dengan Parti Negara.

Tarikh	Perkara
Februari 1954	Konferensi Nasional

Mengapakah perjumpaan tersebut diadakan ?

- A Membentuk jemaah menteri

- B Merundingkan kemerdekaan
- C Melahirkan kerjasama politik
- D Membincangkan pilihan raya

47 Maklumat berikut merujuk laporan pelajaran yang diwartakan di Tanah Melayu

Ordinan Pelajaran 1952

Apakah yang dicadangkan dalam ordinan tersebut ?

- A Peperiksaan terbuka dilaksanakan
- B Pendidikan sekolah rendah diwajibkan
- C Pelajaran vokasional diberi keutamaan
- D Penilaian darjah lima diperkenalkan

48 Pada tahun 1951, Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum mencadangkan syarat kerakyatan Persekutuan kepada golongan imigran dilonggarkan.

Apakah tujuan cadangan tersebut disyorkan ?

- A Mengekalkan identiti bangsa
- B Mengiktiraf sumbangan rakyat
- C Memupuk kesetiaan penduduk
- D Memperbaiki taraf ekonomi kaum

49 Tokoh berikut merupakan wakil rombongan Parti Perikatan ke London pada awal tahun 1956.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Tun Abdul Razak • Tun Dr Ismail • Tun H.S. Lee |
|--|

Apakah tujuan rombongan tersebut?

- A Menggubal perlembagaan baru
- B Merundingkan kemerdekaan negara
- C Menetapkan tarikh pilihan raya umum
- D Membincangkan pembentukan kabinet

50 Apakah matlamat penubuhan suruhanjaya berikut ?

Tahun	Mac 1956
Perkara	Pembentukan Suruhanjaya Reid

- A Menyusun perlembagaan baru
- B Mengendalikan pilihan raya umum
- C Mencadangkan tarikh kemerdekaan
- D Merangka bidang tugas kerajaan pusat

[Lihat halaman sebelah

51 Maklumat berikut merupakan sebahagian isi kandungan Perlembagaan Merdeka 1957.

Agama Islam agama rasmi Tanah Melayu

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

X

Apakah X?

- A Perdana Menteri sebagai ketua negara
- B Sumber ekonomi diusahakan secara bersama
- C Kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan
- D Penglibatan pelbagai kaum dalam sektor kerajaan

52 Jadual berikut merujuk perkembangan yang berlaku di Tanah Melayu pada pertengahan abad ke – 20.


Tarikh	30 Ogos 1957
Tempat	Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur
Peristiwa	Bendera Union Jack diturunkan dan bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan

Apakah kepentingan peristiwa tersebut terhadap Tanah Melayu ?

- A Pembebasan daripada penjajahan

- B Pengisytiharan kawasan putih
- C Pembatalan perintah berkurung
- D Pengenalan pemerintahan republik

53 Rajah berikut menerangkan tuntutan pertubuhan di Sarawak kepada kerajaan British .



Mengapakah tuntutan tersebut dikemukakan ?

- A Menjamin kemasukan pelabur
- B Memperoleh pengiktirafan luar
- C Mengekalkan hubungan persahabatan
- D Memudahkan tuntutan kemerdekaan

54 Notis berikut dikeluarkan pihak British di Sarawak pada bulan Disember 1946.

Pekeliling No. 9

Apakah kesan daripada pengeluaran notis tersebut ?

- A Pemulihan sokongan rakyat
- B Pemberian taraf kemerdekaan
- C Pelaksanaan pilihan raya umum
- D Peletakan jawatan pegawai kerajaan

- Rosli Dhobi
- Awang Ramli
- Morshidi Sidek

55 Apakah sumbangan tokoh tersebut ?

- A Menuntut pilihan raya umum
- B Menggubal perlembagaan negeri
- C Memimpin gerakan antipenyerahan
- D Menyeragamkan sistem pentadbiran

56 Senarai berikut merupakan parti politik yang membentuk Parti Perikatan di Sabah pada tahun 1963.

- Pasok Momogun
- Pertubuhan Cina Sabah
- Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu

Mengapakah pakatan tersebut dibentuk?

- A Memberi latihan kepimpinan
- B Mengukuhkan pemerintahan beraja
- C Menyekat pengaruh golongan radikal
- D Mengambil bahagian dalam pilihan raya

[Lihat halaman sebelah


57 Jadual berikut merujuk tindakan pemimpin Singapura, Lee Kuan Yew.

Tarikh	September 1962.
Peristiwa	Pungutan Suara

Mengapakah pungutan suara tersebut diadakan ?


- A Mengetahui pendirian rakyat terhadap gagasan Malaysia
- B Menghalang penyertaan Brunei dalam gagasan Malaysia
- C Membantah konfrontasi Indonesia terhadap gagasan Malaysia
- D Mendapatkan sokongan rakyat bagi menentang gagasan Malaysia

58 Mengapakah negara berikut menyokong idea pembentukan Malaysia ?



- A Kegiatan komunis dapat disekat
- B Penentangan rakyat dapat dikurangkan
- C Perpaduan kaum dapat dipertingkatkan
- D Kesetiaan golongan imigran diperkukuh

59 Rajah berikut merujuk usaha X dalam merealisasikan idea gagasan Persekutuan Malaysia.



X ialah

- A Suruhanjaya Cobbold
- B Jawatankuasa Antara Kerajaan
- C Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia
- D Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

- 60 Kata-kata berikut merupakan penjelasan Tunku Abdul Rahman terhadap peristiwa penyingkiran Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965.

"...jika kita tidak berpisah, sudah pastilah akan berlaku pembunuhan yang menggerunkan..."

Tunku berkata demikian kerana pemimpin Singapura

- A menuntut taraf kemerdekaan
- B menyokong ideologi komunis
- C menyekat kebebasan beragama
- D membangkitkan sentimen perkauman

KERTAS SOALAN TAMAT